

07/06/1998

## Sektor perindustrian di Selangor cemerlang

Rasid Rahaman

SHAH ALAM: Sektor perindustrian di Selangor terus cemerlang dalam empat bulan pertama tahun ini, walaupun ada pihak meramalkan 1998 adalah tahun yang akan menyaksikan penurunan dalam pelbagai sektor kegiatan berikutan kegawatan ekonomi.

Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar, berkata dari Januari hingga April lalu, sebanyak 61 projek industri diluluskan kerajaan melalui Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) membabitkan pelaburan sebanyak RM1.57 bilion.

Abu Hassan berkata, pencapaian ini amat menggalakkan dan disifatkan oleh kerajaan negeri sebagai di luar dugaan berikutan kegawatan ekonomi sekarang.

"Ia juga membuktikan Selangor masih menjadi kawasan yang berkesan dalam pelaburan sama ada membabitkan pelabur dari dalam dan luar negara, berbanding negeri lain.

"Apa yang lebih penting 61 projek industri yang diluluskan oleh kerajaan itu mampu memberi peluang pekerjaan kepada kira-kira 3,420 orang," katanya di majlis perasmian Wacana Budaya Bertemakan Reformasi Budaya Menuju Alaf Baru di sini, semalam.

Turut hadir Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor (DUN), Datuk Onn Ismail; dan Ketua Pemuda Umno Selangor, Jayakusuma Rusman.

Wacana Budaya anjuran Badan Perhubungan Umno Selangor itu diadakan bertujuan memberi persediaan kepada kalangan pemimpin Umno merangka satu tindakan untuk dilaksanakan bagi menangani masalah budaya agar dapat dijadikan salah satu aset utama khususnya kepada negeri ini bagi merealisasikan Tonggak 10 yang menjadi dasar pentadbiran kerajaan negeri.

Antara ahli panel yang diundang membentangkan kertas kerja masing-masing ialah Prof Madya Datuk Mahathir Mohd Khir dari Jabatan Sejarah Universiti Malaya (UM); Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Datuk Shafie Mohd Salleh; dan Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Ibrahim Ali.

Abu Hassan berkata, daripada jumlah itu, Januari mencatat sejumlah 16 projek diluluskan dengan nilai pelaburan RM280 juta, Februari membabitkan sembilan projek dengan nilai pelaburan RM100 juta, Mac (18 projek - nilai pelaburan RM288 juta) dan April (18 projek - nilai pelaburan RM369 juta).

Mengenai krisis air di negeri ini yang secara tidak langsung boleh menjejaskan minat pelabur terus melabur di Selangor, Abu Hassan berkata, masalah itu bersifat sementara, lebih-lebih lagi kerajaan negeri mengambil pelbagai pendekatan untuk menambah sumber air di negeri ini.

Ini termasuk memperhebatkan usaha mendapatkan air bawah tanah dan air tasik di semua daerah di negeri ini selain Projek Sungai Selangor Fasa II di Bukit Badong, Kuala Selangor serta Loji Wangsa Maju yang dijangka beroperasi, mulai Julai ini.

"Saya percaya sebaik saja projek ini dapat dilaksanakan sepenuhnya, kita akan dapat atasi krisis bekalan air di negeri ini," katanya.

(END)